

Salutasi Majlis

- 1. Yang Berhormat Datuk Rahmad Bin Mariman**
Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi Dan Hal Ehwal Agama
Mewakili Ketua Menteri Melaka

- 2. Yang Berhormat Datuk Wira Zaidi Bin Johari**
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Merangkap Ahli Lembaga
Pengarah Universiti

- 3. YBrs. Profesor Ts. Dr. Massila Binti Kamalrudin**
Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

- 4. Encik Syaiful Rizal Abdul Ghani**
Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat

- 5. YBhg. Dato' Abdul Malik Bin Dasthigeer**
CEO Malik Streams Corporation

- 6. YBhg. Datuk Seri Jamil Bin Salleh**
Pengerusi Pemegang Amanah Yayasan Canselor UTeM

- 7. YBhg. Datuk Wira (Dr.) Hj Sazali Bin Mohd Din**
Ketua Pegawai Eksekutif UTeM Holdings Sdn. Bhd

Dif-Dif Kehormat, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti,

Delegasi dari Universitas Pembangunan Pancabudi / APTISI Sumatera
Utara

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Wakil-Wakil Kesatuan

Majlis Perwakilan Pelajar

Yang Diraikan Penerima-Penerima Sumbangan

Hadirin Dan Hadirat Yang Dikasihi Sekalian.



TEKS UCAPAN
Y.BHG. DATUK SERI DR. HAJI HASIM BIN HASAN
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS IFTAR BERSAMA TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
CANSELOR UTEm

14 April 2023 bersamaan 23 Ramadhan 1444H, 6.30 Petang
Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTEm

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam UTeM ku Sayang

Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan

**Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji
Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hjh. Asmah
binti Ab Rahman**

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Toh Puan untuk hadir bersama-sama ke Majlis Iftar di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Canselor terhadap seluruh warga Universiti ini.
3. Kami seluruh warga Universiti senantiasa, mendoakan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Toh Puan sekeluarga dilimpahi

rahmat, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memimpin Universiti juga Negeri Melaka ke arah kegemilangan

3. Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.




A) SALUTASI

-seperti di lampiran

B) PEMBUKA KATA

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya rafak ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita bulan Ramadhan Al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.
2. Pertamanya, marilah kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, diizinkan kita untuk meneruskan ibadah berpuasa pada tahun ini, yang telah pun

memasuki malam ke-23 Ramadhan, di samping kesempatan kita dapat bersama-sama berhimpun di Masjid Sayyidina Abu Bakar yang mulia ini untuk meraikan Majlis Iftar bersama T.Y.T Tun Canselor.



Cincin emas batu suasa,
Dipakai si dara di tepi perigi;
Bersyukur kita pada Yang Kuasa,
Ditemukan Ramadhan sekali lagi.

3. Kesudian semua Dif-dif kehormat serta tetamu jemputan hadir bersama sudah pasti menambah seri majlis yang direncanakan khusus untuk meraikan sambutan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia ini. Besarlah harapan kami agar majlis pada petang ini dapat dijadikan platform terindah dalam mengeratkan

hubungan silaturahmi antara sesama kita sebagai umat Islam, selain memberi peluang kepada warga Universiti untuk berhimpun, berbuka bersama seterusnya beribadah secara berjemaah di dalam masjid yang serba indah ini.

T.Y.T Tun, Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

4. Ramadan Al-Mubarak, bulan penuh keberkatan merupakan satu bulan yang mana Allah S.W.T telah memberi pelbagai kelebihan dari segi ibadat kepada umat Islam. Rasulullah S.A.W telah menjelaskan tentang kelebihan Ramadan melalui sabdanya yang bermaksud:

“Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan berihstisab, maka akan diampunkan dosa-dosa yang telah lalu.” (riwayat Bukhari dan Muslim)

5. Oleh yang demikian, setiap hari pada bulan Ramadan adalah peluang keemasan kepada sekalian umat Islam memperoleh kerahmatan yang dijanjikan oleh Allah S.W.T dalam bulan yang mulia ini.
6. Alhamdulillah, seperti tahun-tahun yang lepas, UTeM tidak pernah alpa menyambut kehadiran Ramadhan Al-Mubarak dengan pelbagai pengisian bagi menghidupkan bulan yang mulia ini. Pelbagai aktiviti mengimarah masjid yang diterajui oleh Pusat Islam bersama Fakulti, Pusat dan Pejabat

Pentadbiran telah dan sedang dijalankan, antaranya Program Gotong-Royong memasak Juadah Berbuka Puasa serta Bubur Lambuk secara bergilir-gilir mengikut Pusat Tanggungjawab (PTj) di Masjid UTeM, Solat Tarawih secara berjemaah di Masjid UTeM yang di pimpin/ di Imam kan sendiri oleh pelajar-pelajar TUAH UTeM, Tazkirah Ramadhan, Majlis Iftar peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj), Tadarus Al-Quran, Qiamullail Perdana, Bersahur di Masjid, serta pelbagai pengisian bermanfaat bagi mendapat keberkatan bulan Ramadhan yang mulia ini.

7. Diharapkan, menerusi program sebegini akan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan, meningkatkan keimanan serta ketaqwaan kepada Allah SWT, di samping dapat merapatkan

lagi hubungan silaturrahim antara staf dan pelajar UTeM serta warga luar.

T.Y.T Tun, Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

8. Ramadhan merupakan satu anugerah daripada Maha Pencipta yang menjanjikan kebaikan dan harapan daripada Allah SWT, kepada hamba yang menagih rahmatNya saban tahun. Dalam meningkatkan usaha menggandakan nilai taqwa kepadaNYA, umat Islam diseru untuk tidak lupa menyemai semangat berkorban di jalan Allah, selain menjaga kebajikan dan kepentingan ummah.
9. Justeru itu, seramai **450 orang Mahasiswa UTeM** yang kurang berkemampuan dan **150 orang anak yatim** akan menerima

sumbangan pada majlis hari ini. Sumbangan ini adalah daripada pihak Yayasan Bank Rakyat, Malik Streams Corporation Sdn. Bhd., Kuwait Finance House dan Tabung Amal Jariah UTeM di mana sumber dana Tabung Amal Jariah UTeM adalah hasil sumbangan daripada warga UTeM serta pihak luar.

10. Semoga menerusi sumbangan yang diberikan ini dapat meringankan bebanan bagi menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi di samping dapat mengeratkan lagi hubungan sesama insan selain memupuk nilai kasih sayang, saling membantu dan hormat-menghormati demi mencapai keredaan Allah SWT.

11. Bagi pihak Pengurusan Universiti, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah sudi membantu dan menghulurkan sumbangan.

T.Y.T Tun, Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk menjadikannya yang terbaik mungkin. Diharap kita semua dapat meningkatkan lagi amalan pada malam-malam Ramadhan dan seterusnya marilah kita sama-sama memohon doa agar berkat berpuasa yang kita lalui sepanjang Ramadan Al-Mubarak ini akan memantapkan lagi hubungan sesama kita. Semoga kita

diberikan kesempatan untuk bertemu di Ramadhan yang akan datang. Insya-allah.

13. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Pusat Islam juga ahli-ahli jawatankuasanya di atas komitmen tinggi bagi memastikan majlis pada hari ini berjalan dengan lancar. Semoga segala amal ibadah dan jariah yang kita lakukan ini mendapat keredaan Allah S.W.T.

Di atas Titi Nak Dara Berlima
Syair Bersambut Penuh Berseni
Ramadan Dinanti Kini Menjelma
Pahala Direbut Isilah Rohani

Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan di atas kesudian hadir ke majlis iftar ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan amatlah kami hargai.

Saya sudahi ucapan dengan **Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA